

31/08/1997

Dari Congo ke Bosnia, ATM harumkan negara

Fazli Abdullah

BERMULA dengan 25 anak Melayu yang menggenggotai Kompeni Percubaan di Port Dickson kira-kira 64 tahun lalu, kerjaya dan peranan tentera di Malaysia terus berkembang membentuk pasukan yang mantap dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta muncul satu pasukan penting di bawah panji Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Kemuncak kejayaan ATM apabila Jen Datuk Aboo Samah Aboo Bakar dilantik sebagai Komander II Operasi PBB di Somalia (Unosom) membabitkan 20,000 pegawai dan anggota pelbagai negara menggantikan Lt Jen Cevik Bir, sekali gus mencatat pegawai tentera pertama dari Asia Tenggara mengetuai tentera PBB di peringkat antarabangsa dalam usaha menegakkan keamanan sejagat.

Pelantikan itu membuktikan pengiktirafan institusi ketenteraan negara yang berwibawa dan bermutu tinggi dari segi profesionalismenya, sekali gus menaikkan imej negara di dunia.

Berdasarkan kejayaan itu, ATM kini dalam proses memantapkan pasukannya melalui pemilikan aset moden serta canggih untuk menyediakan perkhidmatan terbaik di peringkat antarabangsa pada alaf akan datang.

Mengimbas pembabitan ATM di peringkat antarabangsa sejak 1960 sehingga kini, tentera negara sudah menabur bakti di beberapa benua iaitu Afrika, Asia dan Eropah tanpa mengira bangsa serta agama.

Ia bermula dengan penyertaan 3,400 anggota Pasukan Khas Malaya (MSF) pada 1960 dalam Operasi PBB di Congo (Unoc). Empat ketumbukan MSF dihantar ke Afrika selama tiga tahun di bawah kelolaan Ibu Pejabat Briged Ke-3 Infantri, pimpinan Brig Jen Hamid Bidin.

Walaupun julung kali berkhidmat di luar negara tetapi masyarakat dunia memberi pengiktirafan tinggi terhadap pasukan Malaysia, malah Setiausaha Agung PBB ketika itu, U Thant mengakui pasukan negara akan terus dikenang kerana kebolehan, kerjasama dan keakraban dengan penduduk Congo.

Berkat kesungguhan dan kemantapan anggota, tentera negara terus dipandang tinggi dan diberi kepercayaan oleh PBB menyertai misi pengaman menerusi Pasukan Pemerhati Tentera Iraq-Iran PBB (Uniimog) pada 1988 hingga 1991.

Sejak itu, ATM terus mendapat penghormatan untuk berkhidmat dengan PBB dan sehingga kini tentera negara menyertai 16 daripada 28 misi pengaman PBB di seluruh dunia. Misi pengaman PBB bertujuan mewujudkan kestabilan dan keselamatan di kawasan yang terbabit dengan konflik.

ATM menyertai Misi Pemerhati Iraq-Kuwait PBB (Unikom) pada 1991; Pejabat Setiausaha Agung PBB di Iraq (Unosgi) pada 1991-1992; Misi Pengesahan PBB di Angola II (Unavem II) pada 1991; Pasukan Bantuan Peralihan PBB di Namibia (Untag) 1989-1990; Misi Pendahulu PBB di Kemboja (Unamic) 1991-1992; Pihak Berkuasa Peralihan PBB di Kemboja (Untac) 1992-1993; Tim Perhubungan Tentera PBB di Kemboja (UNMLT) 1993-1994.

Misi PBB bagi Pungutan Suara di Sahara Barat (Minurso) pada 1991; Unosom II 1993; Operasi PBB di Mozambique (Onumoz) 1994; Pegawai Perhubungan Tentera PBB di Yugoslavia (Unmloy) pada Februari hingga April 1992; Pasukan Pelindung PBB di Bosnia-Herzegovina (Unrofor) 1993; Misi Pemerhati PBB di Liberia (Unomil) 1993 dan Pasukan Pemerhati PBB di Semenanjung Aouzou, Chad (Unasog) April-Mei 1994.

Pembabitan ATM meliputi pelbagai peringkat termasuk selaku Pemerintah Pasukan PBB, Batalion Malaysia I, II, III dan IV (Malbatt), Kontinjen Malaysia I, II, III dan IV (Malcon), Pemerhati Tentera (Milob), Staf Ibu Pejabat (HQ Staf), Pakar Teknikal.

Seramai 8,671 anggota Malbatt I, II, III dan Malbatt IV dan Malcon I, II, III pernah berkhidmat di negara Balkan di bawah misi ketenteraan Pasukan Pengaman Perlindungan PBB (Unprofor), Pasukan Pelaksana Damai (Ifor) serta Pasukan Penstabil (Sfor).

Pada masa ini, Malcon IV masih berkhidmat di Bosnia-Herzegovina bagi mewujudkan keamanan di negara Balkan itu sebelum diganti diganti Malcon V akhir tahun ini.

Tugas memulih semula negara Bosnia termasuk berinteraksi dengan penduduk tempatan memerlukan kesabaran dan diplomasi yang cukup baik dan anggota ATM berjaya melaksanakan tanggungjawab mereka dengan berkesan.

Walaupun menghadapi risiko tinggi berkhidmat di luar negara, termasuk terkorban, ia tidak menjejaskan moral anggota, malah menjadi pendorong untuk terus mencurahkan bakti tanpa mengira batas sempadan negara.

Pembabitan ATM di arena antarabangsa bagi mewujudkan keamanan di negara bersengketa paling ketara di Bosnia-Herzegovina yang meninggalkan kesan mendalam ke atas anggota, termasuk ada yang terkorban.

Bermula dengan 1,487 anggota Malbatt I diketuai Kol Mohd Hashim Hussein pada 5 Disember 1993 dan ditukar kepada Malcon awal tahun lalu dan kini Malcon IV, tentera negara terus membawa harapan tinggi masyarakat dalam usaha mewujudkan keamanan di negara Balkan itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah menegaskan komitmen Malaysia terhadap usaha mewujudkan keamanan di Bosnia-Herzegovina tetap kuat dengan penyertaan berterusan kontinjen Malaysia (Malcon) dalam Pasukan Penstabil (SFOR) di bawah pimpinan Nato.

"Tentera kami terus berada di sana selagi mendapat mandat antarabangsa untuk berbuat demikian. Mereka berada di sana untuk memulihkan keamanan dan bukan untuk kepentingan puak tertentu," katanya.

Panglima ATM, Tan Sri Ismail Omar menyifatkan tentera negara sebagai luar biasa walaupun zaman peperangan seperti Perang Dunia Kedua, konfrontasi dengan Indonesia dan Parti Komunis Malaya (PKM) sudah lama berakhir.

"Anggota kita cepat menyesuaikan diri dalam apa juga bentuk dan keadaan. Itu bermakna anggota negara adalah yang terbaik dalam pelbagai aspek taktikal ketenteraan di dunia. Sudah pasti PBB sentiasa mendahulukan ATM dalam senarai misi pemerhati dan pengaman kerana kecemerlangan anggota negara sudahpun terbukti," katanya.

Sesungguhnya, komitmen dan keupayaan tentera Malaysia berkhidmat sama ada di peringkat dalaman dengan menentang komunis sebelum ini dan mewujudkan keamanan di negara bersengketa di arena antarabangsa, sudah terbukti.

Diharapkan ATM terus menyumbang bakti ke seluruh dunia walaupun mengalami perubahan sama ada dari segi kepimpinan atau struktur jentera ATM, sekali gus mengharumkan nama Malaysia.

(END)